



KETUA PENGARAH
(DIRECTOR GENERAL)
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION)

Peti Surat 64, Jalan Sultan, 46904 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia
Tel : 03-7955 7266, 7955 7050, 7955 7085, 7955 7172, 7955 7190, 7955 7232, 7955 7341
Fax: 03-7957 8068 (Blok Inovasi), 7955 1824, 796 06264 (Blok Produktiviti), 7954 0795 (Promosi)
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor D.E. Malaysia.
<http://www.mpc.gov.my>

(Badan Berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri – MITI)



SIRIM
ISO 9001:2015
CERT. NO : QMS 00547

MPC.100-14/1/6

15 Februari 2021

Kepada Sesiapa yang Berkenaan,

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Tuan,

KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN KEPAKARAN (BUKAN PENJAWAT AWAM DAN PENJAWAT AWAM) DAN KADAR PERKHIDMATAN ELAUN MAKAN MINUM, PENGINAPAN, TIKET KAPAL TERBANG DAN YURAN KURSUS BAGI PROGRAM PRODUKTIVITI DAN DAYA SAING

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan menguatkuasa **Pekeliling Ketua Pengarah MPC Bil. 1/2021** berkaitan kadar bayaran perkhidmatan seperti dinyatakan di atas selari dengan pekeliling WP 10.9 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) bertarikh 15 Januari 2021.

3. Pekeliling ini adalah salah satu inisiatif MPC untuk menggalakkan penglibatan individu bukan penjawat awam untuk turut sama membantu negara menyediakan formula bagi merancang prestasi produktiviti berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka. Bersama-sama ini disertakan takrifan, kaedah pelaksanaan, kadar bayaran dan definisi perkhidmatan kepakaran dan perkhidmatan lain di MPC seperti di **LAMPIRAN** untuk rujukan dan makluman.

4. Pemakaian Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **15 Februari 2021** dan terpakai kepada semua pejabat MPC dalam melaksanakan semua program pembangunan atau mengurus. Oleh itu, dengan berkuat kuasanya pekeling ini, semua garis panduan fizikal dan atas talian yang telah dilaksanakan sebelum ini adalah terbatal dengan serta merta.

Sekian, terima kasih

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF BIN HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)